


# 'FUN MAP' IPOH PERAK



## BANDAR RAYA IPOH

Bandar raya Ipoh merupakan ibu negeri Perak iaitu antara negeri terbesar di Malaysia. Dahulunya dikenali sebagai Bandar Biji Timah. Ia terletak lebih kurang 200 kilometer (km) dari Kuala Lumpur melalui lebuh raya Utara-Selatan. Nama Ipoh diberi sempena sepon pokok yang dinamakan pokok 'Epu'. Pokok ini menghasilkan getah beracun yang digunakan oleh Orang Asli untuk disapu pada damak sebagai senjata sumpitan.

Ipoh turut terkenal dengan keunikan bukit batu kapur yang menjadi ikon bandar raya berbilang bangsa dan budaya ini. Selain itu, ia juga termasyhur sebagai 'syurga makanan' dalam kalangan pelancong domestik mahupun luar negara.



## RUJUKAN

1. TAMAN JEPUN
2. PERAK TURF CLUB
3. IPOH PARADE
4. KINTA RIVER WALK
5. BIRCH MEMORIAL
6. MUZIUM DARUL RIDZUAN
7. BAZAR GERBANG MALAM
8. DATARAN SELERA MBI
9. DATARAN STESEN KTM
10. TOWN HALL
11. PERPUSTAKAAN TUN RAZAK
12. SENI MURAL
13. BAZAR PASAR KARAT
14. CONCUBINE LANE

**Tourism Perak**  
World of Wonders

Telefon : +605 249 9966  
Faks : +605 242 3388  
Emel : wow@tourismperakmalaysia.com  
Laman Web : www.tourismperakmalaysia.com  
Facebook : TOURISM PERAK  
Twitter : TOURISM PERAK  
Instagram : TOURISM PERAK

**PETUNJUK**

LEBUHRAYA PLUS

SUJUR KELUAR

JALAN PERSEKUTUAN

JALAN ALTERNATIF

SUNGAI

TAGIK TOL PLUS

HOTEL PUJAT MEMBELI BELAH

## MAKLUMAT PELANCONGAN

**Tourism Perak Management Berhad**  
22, 22A & 22B, Jalan Teh Hawa  
30300 Ipoh, Perak  
Tel : +605-2499966  
Faks : +605-2423366  
Email : wow@tourismperakmalaysia.com  
Web : www.tourismperakmalaysia.com

**Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Utara**  
No. 11, Beach Street  
George Town, 10300 Pulau Pinang  
Tel : +604-2610058  
Faks : +604-2623688  
Web : http://www.malaysia.travel

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri Perak**  
7 & 9, Jalan Medan Istana 3,  
Bandar Ipoh Raya  
30000 Ipoh, Perak  
Tel : +605-2550413  
Faks : +605-2536027  
Web : www.motac.gov.my

**Persatuan Pelancongan Perak (PTA)**  
D-5-3, Greentown Square,  
Jalan Dato' Ahmad Said  
30450 Ipoh, Perak  
Tel/Faks : +605-2424588

**Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Perak Chapter**  
No. 3A, Medan Istana 3,  
Bandar Ipoh Raya  
30000 Ipoh, Perak  
Tel/Faks : +605-2412802

**Persatuan Pemandu Pelancong Negeri Perak (PKTGA)**  
2<sup>nd</sup> Floor, No. 75-77,  
Jalan Mustapha Al-Bakri  
30000 Ipoh, Perak  
Tel : +605-2420897  
Faks : +605-2430897

## MAKLUMAT BERGUNA

KPJ Ipoh Specialist Hospital  
Tel: +605 240 8777

Taiping Medical Centre  
Tel: +605 807 1049/1971

Hospital Raja Permaisuri Bainun  
Tel: +605 208 5000

Hospital Fatimah  
Tel: +605 545 5777

Hospital Pantai Ipoh  
Tel: +605 540 5555

Perak Community Specialist Hospital  
Tel: +605 245 5594



Penerbitan:  
**TOURISM PERAK MANAGEMENT BERHAD**

22, 22A & 22B, Jalan Teh Hawa,  
30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: +605-249 9966 Fax : +605-242 3388

Emel : wow@tourismperakmalaysia.com  
Laman Web : www.tourismperakmalaysia.com  
Facebook : Tourism Perak  
Twitter : Tourism Perak  
Instagram : Tourism Perak

### JEJAK WARISAN BIJIH TIMAH IPOH

Jejak warisan ini menyajikan kemegahan seni bina bangunan yang dibina pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu. Terdapat 27 buah bangunan untuk diterokai bermula dari Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM). Antara lokasi menarik yang terdapat dalam jejak warisan ini ialah Dewan Bandaraya Ipoh, Tugu Peringatan Birch, Lorong Panglima dan SMK St. Michael.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'50.58492" E 101° 4'24.393"



### 3 STESEN KERETAPI IPOH

Bangunan yang mendapat jolokan 'Taj Mahal Ipoh' ini, merupakan stesen keretapi elektrik 'Electric Train Service' (ETS) utama di bandaraya Ipoh dan beroperasi di bawah pengurusan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Di perkarangan stesen ini anda berpeluang menyaksikan seponon pokok Ipoh hidup subur dikelilingi landskap yang menarik.


Koordinat GPS:  
N 4° 35'50.58492" E 101° 4'24.393"



### LOST WORLD OF TAMBUN

Lokasi percutian tersohor ini dikelilingi kehijauan hutan tropika bersama kolam air panas semulajadi dan bukit-bukit batu kapur yang berusia jutaan tahun. Terdapat 88 buah tarikan tersedia di dalam 10 bahagian taman tema ini. Sunway Lost World of Tambun menyajikan pelbagai pengalaman pengembaraan ekologi sesuai untuk semua peringkat usia.

Koordinat GPS:  
N 4° 37'29.424" E 101° 9'16.668"



### TAMAN REKREASI GUNUNG LANG

Gunung Lang merupakan tapak perlombongan yang dikelilingi perbukitan kars batu kapur. Di pintu masuk taman rekreasi ini, terdapat air terjun buatan manusia tertinggi di Malaysia. Bot khas disediakan untuk menyeberangi tasik. Selain menikmati keindahan lanskap, terdapat mini zoo dan beberapa buah rumah Perak untuk beristirahat bersama keluarga.

Koordinat GPS:  
N 4° 37'32.98944" E 101° 5'20.3586"



### IPOH WHITE COFFEE

Ipoh White Coffee antara produk yang popular dan wajib dikunjungi oleh pelancong jika ke bandar raya Ipoh. Terdapat beberapa gerai menjual kopi kisar secara tradisional di Pasar Besar Ipoh (UTC) untuk dijadikan sebagai buah tangan.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'45.024" E 101° 4'55.02"



### LIMAU BALI TAMBUN

Limau Bali Tambun menjadi identiti bandar raya Ipoh sejak sekian lama. Buahnya terbahagi kepada dua jenis iaitu isi berwarna putih rasanya manis, sementara isi berwarna merah jambu pula rasanya masam manis. Selain gerai jualan di Tambun, terdapat 20 buah gerai limau bali di laluan Ipoh- Kampar.

Koordinat GPS:  
N 4° 33'52.93368" E 101° 6'48.90132"



### GERBANG MALAM

Gerbang Malam menghidupkan keceriaan suasana malam di bandar raya Ipoh sejak tahun 2003. Ianya berkonsep uptown market seperti mana yang terdapat di Kuala Lumpur. Lebih 130 buah gerai beroperasi dari jam 7.00 petang hingga 1.00 pagi. Selain dari gerai menjual barangan keperluan harian, perkhidmatan urutan refleksiologi menjadi tarikan utama di sini.


Koordinat GPS:  
N 4° 35'39.0822" E 101° 5'2.91588"



### BULATAN SULTAN AZLAN SHAH, MERU RAYA

Bulatan Sultan Azlan Shah berkeluasan 7.3 hektar dan telah dinobatkan sebagai bulatan terbesar di negeri Perak. Lokasi ini menjadi tempat riadah seisi keluarga pada waktu malam terutamanya pada malam minggu.

Koordinat GPS:  
N 4° 40'10.98264" E 101° 4'46.53336"



**'FUN MAP' IPOH CITY PERAK**

**Terokailah Sekarang!**

### BAS HOP-ON HOP-OFF PERAK

Tarikan baru yang membawa anda menjelajah ke 11 lokasi perhentian bersama pemandu pelancong yang diiktiraf. Pengembaraan bermula dari Terminal Meru Raya menuju ke pekan lama dan pekan baru bandar raya Ipoh. Di setiap perhentian, anda boleh singgah menjamu selera di kafe-kafe berdekatan dan membeli cenderahati di Concubine Lane.

Koordinat GPS:  
N 4° 40'10.9992" E 101° 4'24.1752"



### JEJAK WARISAN MASJID PERAK

Jejak Warisan Masjid Perak ini membongkar pelbagai tipologi atau seni reka bentuk masjid berasaskan tamadun manusia serta budaya berzaman. Keunikan bangunan warisan Islam ini dipengaruhi kepelbagaian motif menerusi elemen kreativiti tersendiri. Kini, ia menjadi antara tarikan utama untuk diterokai.


Koordinat GPS:  
N 4° 35'46.34304" E 101° 4'32.71908"



### CONCUBINE LANE

Concubine Lane dikenali sebagai Lorong Panglima. Ianya sebuah lorong yang dipenuhi deretan rumah warisan imigran Cina sejak tahun 1892. Selain mempamerkan keunikan sejarah tersendiri, lorong ini menjadi lokasi pilihan pelancong untuk bergambar dan berswafoto. Ianya turut dimeriahkan dengan pelbagai gerai makanan, minuman dan cenderahati.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'46.8294" E 101° 4'40.539"



### LITTLE INDIA

Little India terletak di Pekan Lama Ipoh, sememangnya terkenal dengan adat dan budaya tradisional masyarakat India. Ia merupakan zon warisan yang menjadi pilihan terutamanya pada musim perayaan Deepavali. Di sini anda juga boleh mencuba pelbagai resepi masakan tradisional masyarakat India.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'34.9116" E 101° 4'32.556"



### MUZIUM GEOLOGI

Muzium ini merupakan pusat pembelajaran, pendidikan geologi dan geosains negara. Selain koleksi unik seperti fosil, batuan, mineral dan batu permata berharga, ia juga mempamerkan beberapa sampel kasiterit (bijih timah) yang ditemui dalam lombong timah di Lembah Kinta, Perak.

Waktu operasi : Isnin - Jumaat  
8.30pagi-5.00 Petang. Masuk Percuma.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'51.20592" E 101° 7'11.23356"



### PASAR KARAT IPOH

Pasar Karat Ipoh atau Memori Lane lebih dikenali sebagai Loken terletak di Jalan Horley. Loken merupakan antara lokasi wajib dikunjungi. Lokasi ini bukan sahaja syurga buat pengumpul barangan antik tetapi menjadi tumpuan jurufoto jalanan. Waktu beroperasi ialah setiap Ahad dari jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang.

Koordinat GPS:  
N 4° 35'56.93172" E 101° 4'58.85724"

### TOKONG GUA BATU KAPUR

Tokong gua batu kapur antara produk alam semulajadi yang popular di bandar raya Ipoh. Selain dijadikan tempat beribadat bagi kaum Buddha, keindahan lanskapnya sesuai untuk aktiviti berjoging pada waktu pagi dan petang. Terdapat tiga buah tokong gua batu kapur yang utama iaitu Sam Poh Tong, Kek Lok Tong dan Perak Tong.

Antara lokasi tokong gua batu kapur ialah  
1. Sam Poh Tong  
2. Kek Lok Tong  
3. Perak Tong.

Koordinat GPS:  
N4° 33'49.60584" E 101°6'55.47888"  
N4° 33'32.2686" E 101° 7'45.8544"  
N4° 38'39.27984" E 101° 5'57.74568"

